

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK) (1/2009)**

TARIKH : **15HB APRIL 2008 (RABU)**
MASA : **9.00 PG – 12.00 TENGAHARI**
TEMPAT : **PERPUSTAKAAN,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**

Hadir:

Hajjah Nooraini Ismail	(UIAM)	-	Pengerusi JKPDK
Korina Ibrahim	(UNIMAS)	-	Timbalan Pengerusi JKPDK
Noorhashimah Aris	(UIAM)	-	Setiausaha I
Ruzita Ramly	(OUM)	-	Setiausaha II
Abdul Muhammin Sabron	(UKM)		
Asmaniza Mansor	(UUM)		
Fatimah Abd Aziz	(FRIM)		
Hairuladzhar Mohd Hamdi	(UMK)		
Hani Liza Hj Norfin	(UiTM)		
Jasmin Jaimon	(USIM)		
Khairulbahiyah Yaakub	(UTM)		
Mazmin Mat Akhir	(UniMAP)		
Mohd Khairul Naser Ibrahim	(UTHM)		
Mohamad Asmawi Abdul Rahman	(UMT)		
Muzaffar Shah Kassim	(UPM)		
Nazatul Shima Barozi	(UMP)		
Nona Zurena Masenwat	(PPUKM)		
Noormala Maarof	(UiTM)		
Norbaya Muda	(UIAM)		
Noredayu Rosli	(UNITEN)		
Rasida Abu Bakar	(UteM)		
Rohayah Maliki	(MARDI)		
Rosnah Yusof	(UKM)		
Rosnorzaini Rusli	(UDM)		
Siti Khabshah Masrom	(MMU)		
Sofiah Khalid	(UDM)		
Sukmawati Muhamad	(USM)		
Sutarmi Kasimun	(UM)		
Syed Mohammad Helmi Syed Md Akhir	(UMT)		
Wan Kartini Wan Sulaiman	(UPSI)		
Wan Suhaimi Ariffin	(PPPUKM)		
Yafiza Abdul Halim	(UPNM)		
Zanaria Saupi Udin	(UM)		
Zawawi Tiyunin	(UMS)		

Kata-kata Aluan Pengerusi

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli JKPDK.

AGENDA

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat JKPDK Bil. 4/2008

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat yang tersebut.

2. Status Langganan PDK – MOHE 2009

Pengerusi memaklumkan bahawa pihak MOHE sedang memproses pembayaran pangkalan data yang telah dipersetujui bagi tahun 2009. Puan Korina (UNIMAS) mengambil perhatian Mesyuarat berkaitan dengan caj tambahan yang mungkin dikenakan oleh sesetengah pembekal seperti Ebsco (iaitu sebanyak 1%) sekiranya pembayaran lewat diterima. Pengerusi memaklumkan bahawa pihak MOHE akan dimaklumkan dengan caj tambahan ini agar dapat menyeferakan pembayaran. Mesyuarat bersetuju untuk tidak membuat sebarang pembayaran pada mana-mana pembekal. Pengerusi meminta mana-mana Perpustakaan yang telahpun menerima invois atau telah membayar caj ini untuk menghantar salinan invois/pembayaran untuk dikemukakan kepada MOHE.

Tindakan: MAKLUMAN dan Perpustakaan berkaitan

3. Cadangan Langganan PDK-MOHE 2010-2012

Pengerusi juga memaklumkan bahawa perbincangan antara pihak PERPUN yang diwakili oleh beliau, En Amir Hamzah (UPM) dan Dr. Edzan (UM) dengan MOHE berkaitan langganan PDK-MOHE 2010-2012 menunjukkan kemungkinan yang positif. Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut akan dibuat mengambilkira semua aspek. Perbincangan kali ini juga akan dicatatkan bagi tujuan rujukan di masa akan datang.

Merujuk kepada salinan senarai Harga Langganan PDK bagi tahun 2010-2012, dicatatkan bahawa terdapat penjimatan pembelian menerusi harga konsortium iaitu RM 30 juta jika pembelian dibuat secara keseluruhan merangkumi semua IPTA berbanding jika setiap IPTA melanggan secara individu.

Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat sedikit perbezaan pendapat mengenai proses pembayaran langganan. Pihak MOHE berpendapat pembayaran secara terus kepada penerbit adalah lebih jimat dari segi kos. Walau bagaimanapun, pihak MOF merasakan adalah tidak adil untuk mengenepikan pembekal tempatan dan tidak secara langsung membantutkan perkembangan perniagaan mereka. Pihak MOHE akan memikirkan cara terbaik untuk mengendalikan proses ini.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa pembelian langganan PDK ini adalah menggunakan bajet MOHE dan bukan bajet Universiti. Kriteria lain juga akan diambil-kira dan

dibincangkan seperti mendapatkan kadar pembayaran terikat selama 3 tahun tanpa perubahan. Selain empat (4) pangkalan data yang dicadangkan sebelum ini iaitu ProQuest, IEEE, EBSCO dan BLIS, dua (2) lagi pangkalan data baru telah dicadangkan iaitu SCOPUS dan NetLibrary untuk langganan 2010-2012.

NetLibrary telah dicadangkan memandangkan ia adalah pangkalan data 'one-time purchased' dan judul yang tersenarai termasuk judul yang terdapat di dalam Ebrary dan SpringerLink. Untuk NetLibrary, pihak Enche akan memberikan 3 akses untuk 22 institusi untuk setiap judul buku. Akses tambahan akan dikenakan bayaran. Pn Mazmin (UniMAP) memohon sekiranya pihak Enche boleh menyediakan satu platform bagi semua 22 institusi untuk mengakses NetLibrary dan bukannya platform berasingan. En Zawawi (UMS) pula meminta sekiranya senarai judul bagi jumlah buku yang diberikan (1531 judul) boleh diedarkan agar tiada duplikasi pembelian judul bagi Perpustakaan yang telahpun membeli NetLibrary.

(Nota: Semasa demo pangkalan data NetLibrary di sebelah petang, pihak Enche telah memaklumkan akan mengedarkan senarai judul bahan kepada semua ahli)

En Jasmin (USIM) mengambil perhatian Mesyuarat samada institusi yang tidak disenaraikan dalam senarai pengguna IEEE untuk langganan 2010-2012 boleh disenaraikan selepas tempoh tersebut. Ini kerana berkemungkinan institusi tersebut perlu menggunakan IEEE atau mana-mana pangkalan data lain. Pengerusi memaklumkan bahawa ia boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, sebelum tempoh tersebut, institusi berkenaan boleh melanggan pangkalan data tersebut dengan harga konsortium menggunakan bajet institusi sendiri.

Pn Asmaniza (UUM) mengambil perhatian Mesyuarat berkaitan dengan perbezaan pernyataan di dalam Lesen Perjanjian IEEE – Klaus 9 – Archival Access bagi versi 2008 dan 2009. Pengerusi akan mengajukan isu ini kepada pihak IEEE untuk penjelasan lanjut. Pengerusi juga menasihati semua ahli terbabit untuk tidak menandatangani lesen perjanjian IEEE sebelum isu ini diperjelaskan.

Tindakan: MAKLUMAN dan Setiausaha I

4. Oxford University Reference Online – Oxford Islamic Studies Online Collection Electronic Database

Pengerusi meminta maklumbalas segera dari mana-mana institusi yang berminat untuk melanggan pangkalan data ini bagi mendapatkan harga konsortium. Pengerusi juga memaklumkan bahawa pihak pembekal akan diminta untuk mengadakan demo dan memberi 'trial' selama dua (2) minggu sebagaimana lazimnya. Berhubung dengan syarat harga langganan berdasarkan FTE, Mesyuarat bersetuju untuk meminta FTE dibuat berdasarkan bilangan pelajar di Fakulti berkaitan sahaja dan bukan bagi keseluruhan universiti.

Tindakan: MAKLUMAN

5. Hal-hal Lain

5.1 50 Lessons

Ahli memaklumkan beberapa masalah yang dihadapi dalam menggunakan pangkalan data ini, iaitu:

- a. Akses kepada pangkalan data yang agak perlahan
- b. Muatturun bahan yang amat perlahan

Pn Korina (UNIMAS) memaklumkan bahawa pihak Access Dunia ada menyatakan akan memberi URL kepada 'mirror site' untuk memudahkan akses tetapi masih belum menerima maklumbalas lanjut. Pengerusi memaklumkan akan mengunjurkan masalah ini kepada pihak Acceess Dunia untuk tindakan lanjut.

Tindakan: MAKLUMAN dan Setiausaha I

5.2 CRCnetBASE

Pengeruri meminta ahli memberi maklumbalas segera selewat-lewatnya akhir bulan April 2009 samada untuk melangan keseluruhan 4000 judul (semua 29 pangkalan data yang disenaraikan) atau hanya pangkalan data tertentu. Pihak Access Dunia akan diminta untuk mengadakan demo mengikut kawasan dan memberi 'trial' seperti biasa.

Tindakan: Semua ahli

5.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia

Pn Korina (UNIMAS) mengambil perhatian Mesyuarat berkaitan dengan SPP yang diedarkan oleh pihak MOF tentang had nilai pembelian bahan bercetak dan perolehan pangkalan data. Pengerusi memaklumkan bahawa suatu mesyuarat akan diadakan antara wakil PERPUN dan MOF berkaitan hal ini untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci. Isu yang akan dibentangkan ialah:

- a. SPP Pembelian Bahan Bercetak
- b. SPP Perolehan Pangkalan Data, Jurnal dan Maklumat Secara Atas Talian
- c. Isu 'bond' yang dikenakan oleh beberapa pembekal seperti ScienceDirect, Wiley Interscience dan IEEE.
- d. 'Locked price' bagi langganan pangkalan data tidak boleh melebihi 3 tahun

Tindakan: MAKLUMAN

5.4 Maklumat Langganan PDK-MOHE untuk GLC

Cik Siti Khabshah (MMU) memohon untuk mendapatkan maklumat jumlah kos yang dibayar oleh MOHE kepada pembekal berdasarkan harga konsortium untuk semua pangkalan data yang dilanggan. Maklumat ini penting untuk semua institusi GLC merangka dan memohon bajet untuk tujuan langganan pangkalan data tersebut.

Tindakan: Setiausaha I

5.5 Latihan Penggunaan Pangkalan Data oleh Pembekal

En Jasmin (USIM) mengambil perhatian Mesyuarat untuk memastikan pembekal memberi latihan yang secukupnya kepada kakitangan Perpustakaan bagi setiap pangkalan data yang dilanggan. Kekerapan latihan ini juga perlu diselaraskan bagi setiap institusi.

Tindakan: MAKLUMAN

5.6 Langganan Pangkalan Data dengan Harga Konsortium

Selain pangkalan data yang dilanggan menerusi MOHE, terdapat juga pangkalan data lain yang hanya perlu digunakan oleh beberapa institusi. En Jasmin (USIM) mencadangkan agar langganan bagi pangkalan data ini dibincangkan dan dibuat bersama di bawah JKPDK untuk mendapatkan harga konsortium. Pengerusi memaklumkan bahawa harga konsortium boleh diberikan sekiranya terdapat lebih dari 5 institusi yang memerlukan pangkalan data yang sama. Pengerusi memaklumkan bahawa satu senarai induk pangkalan data perlu disediakan bagi mendapatkan maklumat kedapatan bahan. Jika terdapat lebih dari 5 institusi yang memerlukan sesuatu pangkalan data, pihak JKPDK akan membuat rundingan harga konsortium bagi langganan pangkalan data tersebut.

Tindakan: MAKLUMAN dan Setiausaha II

5.7 'Mati stem' untuk Lesen Perjanjian

En Muzaffar (UPM) mengambil perhatian Mesyuarat berkaitan dengan keperluan membuat 'mati stem' untuk mengesahkan semua Lesen Perjanjian apabila melanggan pangkalan data. Menurut beliau dan En Jasmin (USIM), pihak penasihat undang-undang institusi masing-masing memaklumkan bahawa sekiranya proses ini tidak dilakukan, Lesen Perjanjian tersebut tidak dianggap sah dari segi undang-undang dan sebarang tindakan undang-undang tidak boleh diambil sekiranya terdapat penyalahgunaan dan sebagainya. Beliau juga turut membangkitkan isu hak autoriti yang layak dirujuk untuk tujuan 'mati stem' iaitu samada LHDN atau mana-mana pesuruhjaya sumpah kerana ini melibatkan kos khidmat. Pengerusi akan melihat isu ini dengan lebih lanjut.

Tindakan: Pengerusi

6. Penangguhan Mesyuarat

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.